

07 DEC 2001

Mahathir-Media

MAHATHIR TEGUR CARA MEDIA LAPOR BEBERAPA ISU

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur cara media melaporkan beberapa isu sejak kebelakangan ini yang menurut beliau cuba membangkitkan perasaan rakyat.

Dr Mahathir menyatakan rasa hampunya terhadap cara liputan media tentang beberapa isu seperti kenaikan harga minyak dan tol.

"Kita (kerajaan) merasa hampa dengan liputan media terhadap kenaikan harga minyak dan tol serta yang lainnya yang lebih bercorak untuk membangkitkan perasaan rakyat," kata Dr Mahathir selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, menegur cara media membuat liputan mengenai kes empat orang yang ditahan reman oleh mahkamah bagi membolehkan polis menjalankan siasatan terhadap kes penyelewengan tabung Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

Kes ini belum dapat ditentukan samada keempat-empat orang itu bersalah atau tidak tetapi cara media melaporkan kes itu seolah-olah mereka telah menjadi penjenayah, kata Dr Mahathir.

"Ini tidak adil terhadap orang berkenaan kerana ia memalukan orang-orang ini," tegas Perdana Menteri.

Selain itu, katanya terdapat laporan media bahawa seorang Senator telah meminta elaun tiga kali ganda untuk diri sendiri sedangkan sebenarnya apa yang diminta ialah peruntukan untuk dibelanjakan bagi orang ramai.

"Saya harap pihak media akan membuat laporan yang tepat dan tidak mensensasikan laporan-laporan itu," katanya.

Mengenai masalah antarabangsa, Dr Mahathir berkata pendirian Malaysia mengenai perkara itu tidak berubah dan menambah bahawa kerajaan berpendapat bahawa ada masalah timbul kerana terdapat pihak tertentu yang membuat tafsiran yang tidak tepat mengenai Islam.

Malahan, katanya ada pelajar Malaysia yang ke luar negara untuk belajar agama tetapi sebaliknya mereka belajar cara untuk menjatuhkan kerajaan.

-- BERNAMA

AKT AKT MOZ